

**MAC '15**

ISSN 2229-824X



JABATAN PENGAIERAN DAN SALIRAN  
MALAYSIA

JPS CARELINE 1 300 80 1010  
[www.water.gov.my](http://www.water.gov.my)

MENJADI ANTARA ORGANISASI SEKTOR AWAM YANG UNGGUL DI DUNIA



# JPS Updates



# PUCUK Pimpinan JPS 2015

m/s 02



**MAJLIS ANUGERAH  
PERKHIDMATAN  
CEMERLANG  
(APC) 2014**



**SULAMAN KASIH  
SANJUNGAN BUDI**



**BENGKEL  
PEMANTAPAN  
PELAPORAN  
JAWATANKUASA  
INTEGRITI DAN TADBIR  
URUS (JITU) JPS**



**"STAY STRONG,  
LIVE LONG , FITNESS  
FOR LIFE"  
PEMERIKSAAN DAN  
SEMINAR KESIHATAN  
PUSPANITA**

m/s 03

m/s 04 & 05

m/s 06

m/s 08

# PUCUK Pimpinan JPS 2015

Dilantik sebagai Ketua Pengarah JPS pada 23 Mac 2015, YBhg Dato' Ir Zainor Rahim Bin Ibrahim merupakan anak kelahiran Hilir Perak, Perak Darul Ridzuan. Beliau dilahirkan pada 27 Januari 1956. Dikurniakan Ordinary National Diploma dari Oxford College of Further Education pada tahun 1975 dan Sarjana Muda Kejuruteraan Awam dari University of Loughborough, England pada tahun 1979. Beliau melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi dengan mendapat kelulusan M.SC Irrigation Engineering dari University of Southampton, United Kingdom pada tahun 1993. Beliau juga mempunyai Certificated Professional in Erosion and Sediment Control dari CPESC, USA. Memulakan tugas sebagai Jurutera di JPS Negeri Selangor pada 13 Ogos 1979 dan telah berkhidmat di beberapa JPS Negeri dan projek di Kedah, Kelantan dan Pahang sebelum mula berkhidmat di beberapa bahagian bermula pada tahun 2004. Pernah memegang jawatan sebagai Pengarah Kanan (Sektor Pengurusan) dan juga Timbalan Ketua Pengarah II (Sektor Pakar) sebelum dilantik sebagai Ketua Pengarah JPS Malaysia yang baharu.



## Ketua Pengarah



YBhg. Dato' Ir. Haji Mohd Abdul Nassir Bin Bidin dilahirkan pada 14 Oktober 1956 di Batu Gajah, Perak. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Menengah Sultan Yusuf, Batu Gajah dan Sekolah Menengah Sultan Idris Shah, Perak. Beliau ditawarkan melanjutkan pelajaran di sekolah berasrama penuh sehingga tamat MCE di Sekolah Menengah Sains, Selangor. Pada tahun 1974, beliau melanjutkan pengajian Ijazah Sarjana Muda dalam jurusan Civil Engineering di University of New Castle Upon Tyne, United Kingdom dan pada tahun 1984 bagi pengajian Master Kejuruteraan dalam bidang Pengairan & Saliran di Asian Institute Of Technology di Bangkok, Thailand. Memulakan tugas di JPS pada September 1980 sebagai Jurutera Perancang & Rekabentuk di JPS Pengairan Muda, Alor Setar, Kedah dan pernah berkhidmat di beberapa JPS Negeri juga Bahagian, JPS Malaysia. Memegang jawatan sebagai Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber Air & Hidrologi sebelum dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah I (Sektor Bisnes) pada 23 Mac 2015.

## Timbalan Ketua Pengarah I (Sektor Bisnes)

Dilahirkan di Chenderiang, Perak pada 3 Ogos 1957, YBhg Dato' Ir. Haji Zulkefli Bin Hassan merupakan graduan Sarjana Muda Kejuruteraan Awam (dengan kepujian) dari Newcastle University Upon Tyne, United Kingdom. Memulakan khidmat sebagai Jurutera IADA Barat Laut, Selangor pada 22 Ogos 1980 pada usia 23 tahun. Beliau pernah berkhidmat di beberapa JPS Negeri, Projek dan juga bahagian diantaranya di Negeri Selangor, Johor, Pulau Pinang, Perak dan memegang jawatan sebagai Pengarah JPS Negeri Pahang sebelum dilantik sebagai Pengarah Kanan (Sektor Pengurusan) pada 1 November 2014.

## Pengarah Kanan (Sektor Pengurusan)





# Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang [APC] 2014

Oleh :  
Bahagian Khidmat Pengurusan

Pada 10 Mac 2015, telah berlangsungnya Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2014 di Auditorium JPS Ampang. Majlis Penganugerahan ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Dr. Mohd Ali bin Mohamad Nor, Timbalan Ketua Setiausaha NRE. Seramai 103 orang kakitangan

telah menerima anugerah ini bagi tahun 2014. Diharap dengan adanya APC ini, dapat memberi lebih dorongan dan motivasi diri kepada seluruh warga JPS untuk terus menyumbang dalam mempertingkatkan prestasi jabatan serta mencapai kejayaan yang lebih besar pada masa akan datang. Tahniah diucapkan.



## APLIKASI MOBILE MYJPS MENANG PINGAT EMAS DI I-COMPEX'15

Oleh :  
Bahagian Pengurusan  
Maklumat

Tahniah kepada JPS Malaysia kerana memenangi Pingat Emas di Pertandingan Inovasi I-Compex'15 yang berlangsung di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS) Jitra, Kedah pada 24 hingga 26 Mac 2015. Kumpulan tersebut telah diketuai oleh En. Nazli Bin Mohd Khairudin@Irudin dari Bahagian Pengurusan Maklumat dengan projek "Aplikasi Mobile myJPS". I-CompEx merupakan akronim kepada "*Innovation and Invention Competition Through Exhibition*" sebagai satu jenama pertandingan untuk mempamerkan penghasilan projek dan produk penyelidikan yang berkualiti.

Aplikasi Mobile *myJPS* adalah satu inovasi dimensi baru dalam penyampaian maklumat JPS. Ianya dilengkapi dengan ciri-ciri menarik seperti mudah dilayari, keupayaan mobiliti, maklumat berimpak tinggi dan menjadi rujukan pantas orang awam dan pihak yang berkepentingan. Aplikasi mobile *myJPS* telah memenangi pingat emas di dalam iCompEx'15 bagi kategori C-ICT and Multimedia.



## LAWATAN YBHG. DATO' SRI KSU NRE KE PROJEK PEMBINAAN KLINIK/PEJABAT NWRC SUNGKAI, PERAK

Oleh : Bahagian  
Bangunan Dan  
Infrastruktur

Pada 17 Mac 2015, YBhg. Dato' Sri Zoal Azha bin Yusof, Ketua Setiausaha Kementeriaan Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) bersama-sama YBhg. Dato' TKP II (Sektor Pakar) JPS, Pengurusan Tertinggi NRE dan Ketua-ketua Jabatan/Agensi di bawah NRE telah mengadakan lawatan ke National Wildlife Rescue Center (NWRC) Sungkai, Perak Darul Ridzuan. Lawatan ini turut dihadiri oleh Pengarah Bangunan dan Infrastruktur, Ketua NWRC dan wakil JPS Negeri Perak.

Tujuan lawatan adalah bagi meninjau perkembangan projek Klinik/Pejabat NWRC yang pembinaannya dijangka siap pada Jun 2015. Projek ini dilaksanakan oleh Bahagian Bangunan dan Infrastruktur dan kerja-kerja pembinaan diselia sepenuhnya oleh JPS Negeri Perak.

Bersempena dengan lawatan ini juga, YBhg. Dato' Sri KSU telah diberi penghormatan untuk mengumumkan nama bagi 3 ekor anak Harimau Belang berusia 3 bulan yang lahir di NWRC Sungkai iaitu Sungkai, Wira dan Cindai. Nama-nama tersebut dipilih melalui pertandingan yang dianjurkan oleh NRE.



# Sulaman Kasih

## MAJLIS PERSARAAN MANTAP YBhg. Dato' Sri Ir. Hj. Ahmad Husaini bin Sulaiman



Setelah berkhidmat lebih 30 tahun dalam Perkhidmatan awam, pada 16 Mac 2015 merupakan tarikh persaraan YBhg. Dato' Sri Ir. Hj. Ahmad Husaini bin Sulaiman sebagai Ketua Pengarah JPS, Malaysia. Beliau dilahirkan pada 17 mac 1955 dan merupakan anak kelahiran Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan.

YBhg. Dato' Sri Ir. Hj. Ahmad Husaini bin Sulaiman memiliki ijazah Sarjana Muda (kepujian) dalam bidang Kejuruteraan awam dari Loughborough University of Technology, United Kingdom pada tahun 1978. Seterusnya beliau menyambung pelajaran dan memperolehi M.Sc. Irrigation Engineering dari Catholic University of Leuven, Belgium pada tahun 1986.

Bapa kepada 4 orang anak ini, memulakan tugas sebagai Jurutera di IADA Kerian-Sg Manik, Bagan Serai, Perak pada tahun 1978 sebelum menyambung pengajian beliau. Sekembalinya beliau ke tanah air, beliau telah bertugas di Unit Rekabentuk, Ibu Pejabat JPS atau dikenali Bahagian Rekabentuk Empangan pada masa kini. Beliau pernah bertugas di beberapa JPS Negeri juga pernah bertugas di Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan (NAHRIM) pada tahun 1999.



# *Sanjungan Budi*

**KETUA PENGARAH JPS MALAYSIA,**

**Hj. Ahmad Husaini bin Sulaiman**

Oleh : Bahagian Korporat



Pada 17 Disember 2007 merupakan satu catatan bersejarah buat beliau kerana telah diberi tanggungjawab untuk menerajui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia sebagai Ketua Pengarah. Pelbagai pengalaman dan cabaran di sepanjang perkhidmatan dapat ditempuhi dengan jayanya.

YBhg. Dato' Sri KP akan terus diingati atas usaha dan komitmen beliau dalam menerajui JPS Malaysia. Seluruh warga JPS merakamkan ribuan terima kasih sepanjang jasa bakti yang telah dicurahkan.

## LAWATAN TURUN PADANG **MANTAN KETUA PENGARAH JPS**

Oleh :  
Bahagian Korporat



Mantan Ketua Pengarah JPS, YBhg Dato' Sri Ir. Haji Ahmad Husaini Bin Sulaiman telah mengambil kesempatan membuat lawatan turun padang ke beberapa JPS Negeri Di Malaysia termasuk Sabah & sarawak sebelum persaraan beliau. Siri lawatan beliau bermula pada sekitar Mac 2015 bertujuan meninjau perkembangan projek JPS di samping menyampaikan amanat dan beramah mesra dengan warga JPS.



### **Kata-Kata Hikmah**

"MEREKA YANG BERJAYA BUKANLAH  
MEREKA YANG GAGAL DALAM MENCUBA,  
BUKAN JUGA MEREKA YANG SERING  
GAGAL TETAPI MEREKA YANG TIDAK PERNAH  
GAGAL MENCUBA DAN TERUS MENCUBA  
SEHINGGA KEJAYAAN YANG DIKECAPI"

# BENGKEL PEMANTAPAN Pelaporan Jawatankuasa Integriti Dan Tadbir Urus (JITU) JPS

Oleh : Unit Integriti

Pada 6 Mac 2015 Unit Integriti selaku Urusetia Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) telah mengadakan Bengkel Pemantapan Pelaporan JITU JPS yang bertempat di Dewan Bunga Raya, Institut Pembangunan Modal Insan (IPMI) Zon Tengah, JPS Cawangan Ampang. Seramai 40 peserta telah menyertai bengkel tersebut. Peserta bengkel adalah daripada kalangan *Integrity Champion* Bahagian dan JPS Negeri.



Objektif bengkel ini diadakan adalah bagi meningkatkan pengetahuan *Integrity Champion* di dalam perlaksanaan JITU, memantapkan pelaporan JITU dan menerangkan peranan dan tanggungjawab *Integrity Champion* Bahagian dan JPS Negeri.

Taklimat JITU telah disampaikan oleh Pn. Shuhairoz binti Mohamed Shukeri, M52 dari Jabatan Perdana Menteri. Beliau telah menerangkan struktur JITU, terma-terma rujukan JITU dan contoh-contoh isu yang boleh dibincangkan dalam JITU. Manakala, Ir. Norlida binti Mamad @ Samad selaku ketua Unit Integriti telah menerangkan peranan dan tanggungjawab *Integrity Champion*.



## KURSUS Oleh : JURUAUDIT DALAMAN Bahagian Audit Prestasi QMS 9001:2008

Kursus Juruaudit Dalaman Persijilan QMS ISO 9001:2008 telah diadakan pada 9 hingga 11 Mac 2015 dengan kerjasama Institut pembangunan Modal Insan (IPMI) Zon Tengah. Kursus 3 hari tersebut telah diadakan bertempat di Dewan Bunga Raya, IPMI Zon Tengah. Seramai 33 orang peserta dari pelbagai negeri dan Bahagian Audit Prestasi sendiri telah mengikuti kursus tersebut. Objektif utama

kursus ini diadakan adalah untuk menambah bilangan juruaudit bagi persijilan QMS ISO 9001:2008 serta membantu juruaudit sedia ada dalam menjalankan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) Jabatan.

Peserta kursus diberi kefahaman kepentingan persijilan kepada sebuah organisasi dan kebaikan yang diperoleh kepada organisasi yang mengamalkan persijilan QMS pada permulaan kursus. Peserta kursus kemudian didedahkan dengan "Standard MS Quality Management System Requirements ISO 9001:2008". Seterusnya peserta diajar untuk mengendalikan sesi pengauditan dan menyediakan laporan audit.

## BENGKEL Oleh : "Asean Working Group On Water Resources Management (AWGWRM) Management (AWGWRM) - Asean IWRM Country Strategy Guidelines"

Pada 2 Mac 2015, telah berlangsungnya Bengkel "Asean Working Group On Water Resources Management (AWGWRM) – Asean IWRM Country Strategy Guidelines" bertempat di The Everly Hotel, Putrajaya. Bengkel ini disertai seramai 70 pegawai JPS dan dirasmikan oleh YBhg Dato' Sri Ir. Haji Ahmad Husaini Bin Sulaiman, Ketua Pengarah JPS Malaysia. Objektif bengkel ini diadakan adalah bagi mewujudkan garispanduan ASEAN IWRM Country Strategy Guideline.

Selain itu juga perkongsian pengetahuan dan pengalaman melalui penganjuran bengkel ini akan dapat memantapkan lagi pembangunan sumber air negara. Ia juga akan membangunkan jaringan di peringkat negara dan dunia yang memberi manfaat kepada Malaysia.



Kursus "ArcGIS Desktop", "ArcGIS Online" dan "Building Geodatabase" ini telah diadakan selama lima (5) hari bermula 9 hingga 13 Mac 2015 bertempat di IPMI Zon Tengah, JPS Ampang di bawah anjuran Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) dengan kerjasama pihak Esri Malaysia Sdn. Bhd.

Kursus ini diadakan bagi memenuhi keperluan semasa pegawai JPS di Bahagian/Negeri/Daerah yang berkaitan dengan penggunaan perisian dan aplikasi *Geospatial Information System* (GIS). Selain itu ia juga bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengetahuan serta memantapkan kemahiran terhadap penggunaan perisian ArcGIS kepada pegawai-pegawai JPS terutama yang terlibat dalam Pembangunan Aplikasi GIS seperti GIS MUDA (GIS untuk Lembangan Sungai Muda), GIS KERIAN (GIS Lembangan Sungai Kerian) dan juga JPS ArcGIS Online. Kursus ini telah dihadiri oleh 20 peserta daripada JPS Perak Tengah, Pejabat Projek RTB Kerian, Pejabat Pengurusan Projek Sungai Muda, JPS Kulim/Bandar Baru, JPS Pulau Pinang, Bahagian Pengurusan Banjir, Bahagian Fasiliti dan GIS serta Bahagian Pengurusan Maklumat.



## **KURSUS “Argis Desktop”, “Argis Online” & “Building Geodatabase”**

Oleh : Bahagian Pengurusan Maklumat

## **Mesyuarat Pengurus-pengurus Mekanikal Dan Elektrikal BIL 01/2015**

Oleh :  
Bahagian Perkhidmatan  
Mekanikal dan Elektrikal

Mesyuarat Pengurus-Pengurus Mekanikal dan Elektrikal Bil 1 tahun 2015 telah diadakan pada 19 hingga 20 Mac 2015 di JPS Ampang. Seramai 50 ahli mesyuarat yang terdiri daripada wakil Mekanikal dan Elektrikal daripada JPS Negeri, Bahagian di Ibu pejabat dan pejabat projek serta Jurutera M&E dari gred J48 ke atas dari pejabat BPME KL dan Ipoh. Mesyuarat dipengerusikan oleh Pengarah BPME, Tuan Ir. Hj. Muhamad Khosim b. Hj Ikhsan.



## **LAWATAN TEKNIKAL KE PROJEK PEMBERSIHAN & PENGINDAHAN Sungai Melaka Parcel 2**

Oleh : Bahagian Projek Khas



Pada 12 Mac 2015, satu lawatan teknikal oleh YBhg. Datuk Zainal Bin Husin, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) ke Projek Pembersihan dan Pengindahan Sungai Melaka Parcel 2 telah diadakan bagi meneliti perkembangan kerja-kerja tersebut.

Di sepanjang lawatan teknikal ini, penerangan telah diberikan kepada rombongan Datuk Bandar oleh En. Lokman Bin Amir Hamzah, Jurutera Awam Projek Pembersihan dan Pengindahan Sungai Melaka.

Pada 13 Mac 2015, satu sesi taklimat Pengurusan Harta Intelek telah dianjurkan oleh Jawatankuasa Penyelaras Inovasi Bahagian Pengurusan Zon Pantai (BPZP), khusus kepada warga Bahagian Pengurusan Zon Pantai. Taklimat ini telah disampaikan oleh En. Mohan K, Pengarah Urusan Syarikat ADASTRA IP (M) Sdn. Bhd. dan juga seorang agen paten berdaftar dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO). Taklimat ini bertujuan bagi memberikan pendedahan dan pemahaman lanjut tentang kepentingan perlindungan harta intelek dalam pengurusan sesuatu produk inovasi dan dapat membolehkan perancangan serta halatuju dilaksanakan dengan lebih sempurna.

# TAKLIMAT PERLINDUNGAN Harta Intelek

Oleh : Bahagian Pengurusan Zon Pantai



## JPS Updates SIDANG REDAKSI '15

### PENASIHAT

YBhg. Dato' Ir. Zainor Rahim bin Ibrahim

### PENYELARAS

YBhg Dato' Ir. Haji Zulkifli bin Hassan

### KETUA EDITOR

Idris bin Yussof

### EDITOR

Ir. Sabri bin Abdul Mulok

### PENOLONG EDITOR

Hayati binti Zainal  
Azuraina binti Mohd Nordin  
Firdaus bin Mubin  
Shafizawati binti Nazirrudin

### SUMBANGAN BERITA OLEH

Bahagian Khidmat Pengurusan  
Bahagian Pengurusan Maklumat  
Bahagian Bangunan Dan Infrastruktur  
Bahagian Pengurusan Sumber Air dan Hidrologi  
Bahagian Pengurusan Zon Pantai  
Bahagian Korporat  
Bahagian Audit Prestasi  
Bahagian Perkhidmatan Mekanikal dan Elektrikal  
Bahagian Projek Khas  
Unit Integriti  
PUSPANITA, JPS MALAYSIA

### JURUFOTO

Harold Gabriel Krishnan

### DITERBITKAN OLEH

Bahagian Korporat  
Jabatan Pengairan dan Saliran, Malaysia  
Jalan Sultan Salahuddin  
50626 Kuala Lumpur

### DIREKA GRAFIK DAN DICETAK OLEH

D WOOD GLOBAL PRINT

Sebarang maklumat dan berita serta gambar-gambar untuk keluaran akan datang boleh dihantar kepada kami melalui:

Email : [yati@water.gov.my](mailto:yati@water.gov.my)  
No. Tel : 03-26151765

Email : [azuraina@water.gov.my](mailto:azuraina@water.gov.my)  
No. Tel : 03-2616 1449

Email : [firdausmubin@water.gov.my](mailto:firdausmubin@water.gov.my)  
No. Tel : 03-2616 1461

# “Stay Strong, Live Long, Fitness For Life” PEMERIKSAAN DAN SEMINAR KESIHATAN PUSPANITA

Oleh : PUSPANITA JPS Malaysia



Pemeriksaan dan Seminar Kesihatan Puspanita telah diadakan pada 11 Mac 2015 bermula jam 7.30 pagi hingga 5.30 petang. Program ini dianjurkan oleh Puspanita Kebangsaan, Biro Pendidikan dan Pembangunan Keluarga, Biro Kesihatan, Biro Keusahawanan, Tabung Latihan Puspanita & Tabung Puspadara Puspanita dan disokong oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Majlis penutup telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Farida Mohd Ali, Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia.

# Program **WAKE UP CALL** INTEGRITI BAGI BULAN MAC TAHUN 2015

Oleh : Unit Integriti



Program Wake Up Call Integriti Siri 3 Tahun 2015 telah diadakan di JPS Negeri Sembilan pada 4 Mac 2015 dan di Ibu Pejabat JPS Melaka pada 9 Mac 2015. Program ini merupakan salah satu program pengukuhan integriti di Jabatan dan taklimat telah disampaikan oleh Ketua Unit Integriti JPS iaitu Ir. Hjh. Norlida binti Mamad@Samad dan turut dihadiri oleh Pengarah Kanan (Sektor Pengurusan), YBhg. Dato' Ir. Hj. Zulkifli bin Hassan.

